

ARTIKEL SURATKHBABAR

Nama Suratkhabar : Berita Harian (Seksyen Nasional)

Tarikh: 16 Januari 2016 (Isnin)

Mukasurat: 25

B4 C1022 16/1/15 m/s 25
Melaka atur *norena*
**143 acara tarik
pelancong**

Melaka: Sebanyak 143 acara termasuk yang bertaraf antarabangsa menghiasi kalendar pelancongan Melaka sepanjang 2016 sebagai sasaran menerima 16.5 juta pelancong tahun ini.

Pengurus Besar Tourism Melaka, Norena Jaafar, berkata sasaran itu adalah petunjuk prestasi utama (KPI) terbaru susulan kejayaan negeri itu menarik 15.7 juta pelancong tahun lalu.

"Kerajaan negeri melalui Tourism Melaka turut menganjurkan 16 acara pelancongan bertaraf antarabangsa dengan tiga daripadanya dimulakan pada Mac ini sebagai pemangkin menarik kedatangan pelancong.

"Tiga acara itu ialah Pesta Layang-Layang Antarabangsa Melaka dari 1 hingga 3 Mac, disusuli Forum Daya Tahan Bandar dan Penyesuaian Asia Pasifik pada 1 hingga 5 Mac dan Raptor Watch di Tanjung Tuan pada 12 Mac," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Zon Bebas Kereta Melaka 2016 di Taming Sari, Banda Hilir, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Mansor Sudin.